



KEMENTERIAN KEMAJUAN  
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**  
**MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

### **SEMPENA**

**MAJLIS KONVOKESYEN KEEMPAT BELAS**  
**UNIVERSITI KUALA LUMPUR 2017**

**DEWAN PLENARI**  
**PUSAT KONVENSyen ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

**21 OKTOBER 2017, SABTU**  
**WAKTU KETIBAAN: 8.30 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMMUALAIKUM WBH, SALAM SEJAHTERA**

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Tuanku Canselor Universiti Kuala Lumpur.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik pohon  
Diampun,

**PEMBUKA KATA**

1. Sebagai mukadimah persembahan ucapan, patik merafak sembah menjunjung setinggi – tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli ke Majlis Konvokesyen Keempat Belas Universiti Kuala Lumpur pada hari ini. Patik yakin bagi setiap para mahasiswa/mahasiswi yang melangkah masuk ke sesebuah universiti, pastinya amat mengimpikan serta menantikan momen indah menghadiri majlis konvokesyen ini bersama para ibu – bapa, ahli keluarga dan insan tersayang. Kemeriahan majlis konvokesyen ini amat bermakna dengan keberangkatan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku malah ia menjadi pembakar semangat kepada para mahasiswa/mahasiswi untuk tidak mudah mengalah dan berputus asa dalam mengejar impian menjadi graduan Universiti Kuala Lumpur dengan cemerlang.

2. Alhamdulillah, pada hari ini, impian mereka akhirnya menjadi realiti. Sudah pasti dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke majlis ini menjadikan majlis konvokesyen ini sesuatu yang amat istimewa dan kekal terpahat dalam memori para graduan sekalian. Peluang untuk mengadap dan menerima persembahan ijazah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri tidak hadir setiap hari memandangkan majlis ini dapat patik jalankan hanya sekali dalam setahun, sebagai salah satu acara tahunan yang berskala besar bagi UniKL.

**MENJUNJUNG KASIH TUANKU CANSELOR**

2. Di kesempatan ini, patik mewakili seluruh warga UniKL menyusun jari, merafak sembah, merakamkan setinggi– tinggi junjungan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk terus memayungi Universiti Kuala Lumpur. Patik sekalian amat terharu dengan keprihatinan dan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap UniKL. Patik yakin dengan ketokohan dan suntikan semangat

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan membawa kepada lebih banyak pencapaian UniKL yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

## **MAJLIS KONVOKESYEN**

3. Sempena majlis konvokesyen ini juga, izinkan patik merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua para graduan sekalian di atas kejayaan mereka yang diraikan hari ini. Tidak dilupakan ucapan tahniah juga buat semua ibu bapa dan keluarga para graduan sekalian. Pasti nya kejayaan ini berkat pengorbanan serta iringan doa para ibu bapa dan ahli keluarga sekalian yang membolehkan ijazah UniKL hari ini dianugerahkan kepada para graduan sekalian.

4. Di kesempatan yang ada ini juga, patik mewakili seluruh warga UniKL ingin merakamkan ucapan terima kasih buat Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Musa, mantan Pengerusi MARA dan Pro Canselor UniKL atas sumbangan yang telah diberikan kepada UniKL. Ucapan terima kasih juga patik panjangkan buat Yang Hormat Dato' Sri Ibrahim Ahmad, mantan Ketua Pengarah MARA dan juga Pro Canselor UniKL yang telah bersara daripada perkhidmatan.

5. Tugas dan tanggungjawab Pro Canselor UniKL kini disandang pula oleh Yang Hormat Dato' Dr Awang Adek Hussin, Pengerusi MARA dan Yang Hormat Dato' Azhar Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA yang baru. Patik yakin kedua – dua Pro Canselor UniKL yang baru ini akan menjalankan tanggungjawab ini dengan sebaiknya serta menyumbang kepada lebih banyak kejayaan buat UniKL.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun

## **KEJAYAAN UniKL**

6. Sukacita patik ingin mengangkat maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh UniKL. Ditubuhkan pada 20 Ogos 2002, pada masa itu, UniKL pengambilan kumpulan pertama pelajar UniKL pada masa itu hanyalah seramai 80 orang sahaja. Kini UniKL merekodkan bilangan pelajar seramai 24,326 orang.

7. Dari segi bilangan warga kerja, pada tahun 2002, UniKL sebenarnya bermula dengan hanya 3 orang warga kerja sahaja. Mulai tahun 2003, bilangan warga kerja mula meningkat kepada 688 orang dan kini UniKL mempunyai kekuatan seramai 2,626 orang warga akademik dan warga kerja perkhidmatan.

8. Bermula dengan hanya 5 buah kampus cawangan, UniKL kini mempunyai 12 buah kampus yang terletak dari Utara hingga Selatan Semenanjung. Dari segi bilangan graduan pula, kumpulan sulung graduan UniKL hanyalah seramai 998

orang, tetapi pada tahun ini dalam majlis konvokesyen yang keempat belas ini, seramai 8,100 orang graduan akan menerima skrol masing-masing. Secara keseluruhan, UniKL telah melahirkan seramai 48,276 orang graduan semenjak ianya di tubuhkan.

## **QS ASIA UNIVERSITY RANKING 2018**

9. Menyentuh kedudukan UniKL di Asia, patik amat berbangga untuk memaklumkan bahawa buat pertama kalinya UniKL telah tersenarai di antara 400 universiti terbaik di Asia berdasarkan penilaian QS University Ranking : Asia 2018 yang diumumkan baru-baru ini. Penilaian ini melibatkan 11,900 buah universiti di Asia, merangkumi aspek pengantarabangsaan, pengajaran, kebolehpasaran graduan, reputasi akademik dan kualiti penyelidikan. Kedudukan UniKL antara 400 universiti teratas di Asia ini merupakan suatu pengiktirafan antarabangsa terhadap kemampuan UniKL serta membuktikan bahawa inisiatif transformasi UniKL iaitu WE4ASIA yang dilancarkan pada tahun 2014 sudah mula membuahkan hasil dan seterusnya meletakkan UniKL pada kedudukan yang baik. Untuk sebuah universiti yang baru berusia 15 tahun usia penubuhannya, pencapaian ini amatlah signifikan. Kejayaan ini sudah tentu tercapai hasil wawasan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa memberikan cabaran demi ingin melihat UniKL ini gah di mata dunia. Junjung kasih Tuanku.

10. Patik juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kepimpinan dan seluruh warga UniKL yang telah juga menyumbang kepada pencapaian ini. Patik yakin UniKL akan menjadikan pencapaian ini untuk terus memperbaiki kedudukannya di Asia.

## **STATUS SWAAKREDITASI**

11. Terdahulu, pada bulan Ogos yang lalu, dua buah kampus Universiti Kuala Lumpur iaitu UniKL Malaysia France Institute di Bangi, Selangor dan UniKL Malaysian Institute of Information Technology di Kampus Kota, Kuala Lumpur telah mendapat **Perakuan Status Swaakreditasi** daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang memberi autonomi kepada UniKL mengakreditasi sendiri program pengajian yang ditawarkan di kedua-dua kampus ini. Perakuan ini juga merupakan satu pengiktirafan terhadap kemantapan sistem kualiti dalaman yang dibangunkan pihak UniKL dan telah disahkan melalui audit yang dilaksanakan oleh MQA. Ia juga merupakan pencapaian yang luar biasa dalam persekitaran pendidikan HTVET tempatan dan di peringkat global.

## **KEJAYAAN MAHASISWA UNIKL ATLET PARA ASEAN**

12. Kejayaan seterusnya dilakarkan oleh Saudara Muhammad Hafiz Jamali, mahasiswa tahun 3 program Bachelor of Engineering Technology (Mechatronics)

daripada UniKL Malaysia France Institute, yang telah memenangi pingat perak untuk Malaysia dalam acara Road Race and Time Trial Kategori C4 bagi sukan berbasikal pada temasya sukan SEA PARA KL 2017 yang lalu. Saudara Muhammad Hafiz Jamali turut hadir bersama – sama kita pada majlis ini. Tahniah dan syabas kepada beliau.

### **THE BRANDLAUREATE BEST BRAND AWARD**

13. Patik juga percaya bahawa reputasi jenama UniKL di kalangan masyarakat sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi terkemuka semakin kukuh apabila UniKL dianugerahkan **The BrandLaureate Best Brands Award in Technical Education – Entrepreneurial Technical Learning**. Penganugerahan ini turut membuktikan kepercayaan terhadap UniKL dalam menyumbang kepada pembangunan Negara terutama di dalam melahirkan gunatenaga mahir di bidang kepakaran yang kritikal kepada pembangunan negara dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya di dalam bidang berteknologi tinggi (teknousahawan).

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun

### **UNIKL MIEWET**

14. Patik juga ingin menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan beberapa perkembangan terkini dan perancangan masa depan UniKL. Untuk cadangan kampus UniKL Malaysian Institute of Environmental and Water Engineering Technology (UniKL MIEWET) yang akan mengkhusus dalam bidang teknologi kejuruteraan hidro, sukacita patik memaklumkan bahawa Unit Perancangan Ekonomi (EPU) telah pun memberikan perakuan kepada peruntukan bajet di bawah Rolling Plan ke 3 di bawah Rancangan Malaysia ke 11 dan kini hanya menunggu kepada pembentangan Bajet 2018 nanti, Insya'allah. Dengan tertubuhnya institut ini nanti maka hasrat untuk melihat UniKL mempunyai kampus di Negeri Pahang akan terlaksana.

### **ASIA RAIL INSTITUTE**

15. Patik juga amat menyokong penglibatan institusi pendidikan MARA dalam bidang teknologi rel yang semakin berkembang pesat di negara kita ini. Sehubungan dengan itu, kewujudan Asia Rail Institute di bawah UniKL ini amatlah bertepatan untuk melahirkan modal insan bagi memenuhi keperluan industri rel ini yang kompeten di dalam bidang yang khusus seperti *Rolling Stock, Signalling & Communication, Electrification, Track Work* dan *Station Management*. Asia Rail Institute ini sekarang antara “exclusive training partner” untuk projek MRT, penawaran latihan untuk projek ECRL serta sedang mempelopori potensi kerjasama untuk projek HSRL dan LRT 3.

16. Selain itu, THALES dan SIEMENS juga telah menyatakan komitmen di dalam membantu pembangunan program di Asia Rail Institute kendalian UniKL melalui pembekalan dan penajaan peralatan program Signaling termasuk menjadikan Asia Rail Institute sebagai Pusat Kecemerlangan THALES bagi rantau Asia. THALES juga akan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu lagi Pusat Kecemerlangan dalam bidang keselamatan siber melalui kerjasama dengan UniKL. Kerjasama ini patik lihat akan membolehkan UniKL menjadi antara penyumbang utama kepada transformasi lanskap dan ekosistem pengangkutan negara yang merupakan antara fokus utama kerajaan. Ini amat bertepatan dengan hasrat KKLW dan MARA untuk memperkasakan ekonomi negara melalui pembangunan modal insan yang berkepakaran tinggi dalam industri – industri strategik seperti aeroangkasa, maritim dan pengangkutan darat.

### **MALAYSIA ITALY DESIGN INSTITUTE**

17. Sejalan dengan peranannya sebagai pelopor bidang Higher Technical Vocational Education and Training (HTVET) negara, UniKL terus unggul membangunkan program – program pendidikan dalam bidang – bidang baru yang digariskan sebagai kritikal di bawah NKEA. Terkini, UniKL telah menjalinkan kerjasama bersama beberapa institusi latihan dan institusi pendidikan terkemuka Itali bagi memacu pembangunan modal insan dalam bidang industri kreatif dan rekabentuk negara.

18. Jaringan kerjasama ini akan membawa kepada penubuhan Malaysia Italy Design Institute (MIDI) di bawah UniKL. Penubuhan MIDI dilihat akan dapat mengukuhkan lagi hubungan usahasama antara Malaysia dan Itali dari segi pembangunan modal insan serta pemindahan teknologi reka bentuk dan pembuatan industri kreatif serta menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan (Centre of Excellence) di dalam bidang reka bentuk.

### **MEMPERKUKUH POSISI UNIKL MIAT**

19. UniKL juga turut mengukuhkan jaringan kolaborasi bersama beberapa pemain industri aeroangkasa dan pengangkutan terkemuka Perancis bagi memperkukuhkan lagi UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT). Antaranya UniKL telah menandatangani LOI bersama SAFRAN Aircraft Engines di Paris di mana SAFRAN telah bersetuju untuk mewujudkan Pusat Kecemerlangan dalam bidang penyelenggaraan enjin pesawat di hangar baru kampus UniKL MIAT di Subang. Safran juga menyatakan rasa puas hati dengan syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat di dalam program pembangunan vendor SAFRAN dan bersedia untuk membuka lebih banyak peluang kepada syarikat-syarikat tempatan termasuk menyediakan peluang latihan industri kepada pelajar UniKL dan Institusi Pendidikan MARA.

20. Patik turut menawarkan kepada Airbus untuk membuka final assembly line di Malaysia khususnya di Subang yang amat kondusif kepada Airbus dengan prasarana sediaada termasuk kepakaran dan akses yang diperlukan termasuk tenaga mahir yang dilahirkan oleh UniKL MIAT di kampus Subang kelak.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun

## **PEMBIAYAAN KERAJAAN UNTUK MENAMPUNG PERBELANJAAN PENGAJIAN PELAJAR DI UNIKL DAN PERUNTUKAN YANG DISEDIAKAN KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN UNIKL DAN TABURAN PELAJAR B40 DI UNIKL**

21. Sebagai sebuah institusi pengajian milik penuh MARA, adalah menjadi tanggungjawab MARA dan Kerajaan bagi memastikan prasarana dan ekosistem pembelajaran yang kondusif disediakan bagi memastikan setiap pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya di alam pekerjaan mahupun perniagaan.

22. Dari tempoh Rancangan Malaysia ke-6 sehingga sekarang, Kerajaan telah membelanjakan lebih dari RM1.5 billion untuk menyediakan kemudahan bangunan dan peralatan di kesemua 12 buah kampus UniKL di seluruh Negara. Bagi tempoh Rancangan Malaysia ke-11 pula, sebanyak RM96.5 juta telah diperuntukkan setakat tahun 2017 bagi membiayai peningkatan kampus-kampus sediaada disamping penawaran program-program baru.

23. Bagi maksud pembiayaan pelajaran pula, pinjaman pendidikan MARA disediakan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan dan rata-rata Patik boleh katakan di sini, hampir 90% graduan yang diraikan pada hari ini dibiayai sepenuhnya atau sebahagian (yuran pelajaran) oleh MARA. Kerajaan melalui MARA amat prihatin dengan kemampuan pelajar Institusi Pengajian MARA (IPMa) khususnya di UniKL untuk membiayai pelajaran mereka kerana majoriti pelajar di UniKL adalah dari kumpulan pendapatan isi rumah B40 dan M40. Untuk makluman Tuanku, 61% pelajar-pelajar di UniKL ini datangnya daripada keluarga B40 manakala hampir 90% daripada keseluruhan pelajar datang daripada keluarga berpendapatan di bawah RM8,000.

24. Oleh yang demikian, Patik akan memastikan UniKL akan terus mendapat bantuan dan sokongan daripada pihak Kerajaan kerana peranan besar yang dimainkan oleh UniKL di dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dari kumpulan B40 dan M40 melalui penawaran peluang pendidikan di dalam bidang teknologi dan pengurusan berasaskan industri yang kritikal kepada pembangunan Negara.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun

## **PENUTUP**

25. Sekali lagi patik merafakkan sembah, menyusun sepuluh jari, menjunjung setinggi kasih dan mengharapkan limpah kurniaan, dan doa restu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik sekalian menjalankan tugas dan tanggungjawab patik dengan jujur, ikhlas dan sempurna. Patik juga akan sentiasa mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dianugerahkan kesihatan yang baik untuk bertakhta memayungi UniKL ini melakar sejarah sebagai sebuah universiti terbaik di Asia dan menjadi kebanggaan Malaysia.

Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh.